

# Tarif air: P. Pinang, N. Sembilan kaji kenaikan

**KUALA LUMPUR 9 Jan.** - Dua negeri dijangka menaikkan kadar tarif air selari dengan pengumuman penyelarasan industri bekalan air oleh kerajaan Pakatan Harapan (PH) di seluruh negara.

Di **Pulau Pinang**, Ketua Menteriinya, Chow Kon Yeow berkata, kadar tarif air di negeri ini dijangka naik sehingga 20 peratus namun perkara itu masih di peringkat perbincangan dengan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli.

Menurut beliau, kerajaan negeri juga akan memansuhkan surcaj pemuliharaan air (WCS) yang kini dikenakan pada tahap 48 sen bagi setiap 1,000 liter sebaik sahaja kadar tarif air baharu dilaksanakan kelak.

"Bagaimanapun, perkara itu belum dimuktamadkan mung-

kin akan naik 20 peratus atau lebih," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Kon Yeow memberi jaminan meskipun tarif air itu akan dinaikkan, namun kadar yang dikenakan di negeri ini masih paling rendah berbanding negeri-negeri lain.

Di **Negeri Sembilan**, sebuah jawatankuasa akan ditubuhkan bagi mengkaji cadangan kenaikan kadar tarif air domestik yang dikemukakan kerajaan PH bagi melihat kesannya kepada rakyat dan perkhidmatan bekalan air negeri ini.

Menteri Besarinya, Aminuddin Harun berkata, kenaikan sebanyak RM1.40 bagi setiap 20 meter padu air dicadangkan untuk negeri ini oleh Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli

serta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dalam taklimat hari ini.

Beliau berkata, langkah menaikkan kadar tarif perlu diteliti dan diperhalusi dari segi impaknya kepada penduduk selain operasi Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd. (Sains).

"Kita khuatir dalam dua atau tiga tahun, syarikat akan sukar untuk beroperasi kerana terdapat keperluan membina sebuah loji baharu untuk menampung air bagi kegunaan di Seremban dan sekitarnya.

"Kemudahan itu perlu disiapkan sebelum tahun 2022 dan kosnya ratusan juta ringgit yang perlu ditanggung oleh Sains," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di sini.